

Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi: Antara Perisian Penapis, Penguatkuasaan Undang-Undang dan Amalan Spritual

*Nor Azah Abdul Aziz
azah@fskik.upsi.edu.my
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*Che Zarrina Saari
zarrina@um.edu.my
Universiti Malaya*

ABSTRAK

Pelayaran laman web pornografi boleh dikawal dengan menggunakan perisian penapis web, menguatkuasakan undang-undang dan kod etika atau kerohanian yang bertujuan untuk mengawal diri pelayar laman web. Melayari laman web pornografi adalah haram di sisi Islam. Artikel ini membincangkan kaedah kawalan pelayaran laman web pornografi yang dilakukan dalam bidang teknologi Internet, undang-undang yang dikuatkuasakan di negara lain dan amalan kerohanian menurut psikospiritual Islam.

Kata Kunci: Pornografi, perisian penapis laman web, pelaksanaan undang-undang, kod etika dan kerohanian, psikospiritual Islam

ABSTRACT

Surfing pornography website can be controlled by using web filtering software, enforcing law and code of ethics or spirituality that seeks to control the web surfer itself. Surfing pornography website is prohibited in Islam. This article discusses controlling methods of pornography site surfing perpetrated in Internet areas of technology, the law enforcement within other countries, and spiritual practice according to Islamic psychospiritual.

Keywords: Pornography, website filtering software, enforcing law, codes of ethics and spirituality, Islamic Psychospiritual

PENGENALAN

Pornografi mendatangkan kesan negatif kepada semua peringkat sama ada kepada orang dewasa, remaja mahupun kanak-kanak. Dr. Victor Cline (2008), pakar psikoterapi dan juga Professor Emeritus dalam bidang Psikologi di University Utah, Salt Lake City, dalam menangani masalah ketagihan seks menyatakan, jika penggunaan pornografi dilakukan secara berterusan dan jika dibiarkan akan membawa kepada ketagihan yang lebih teruk (bermula daripada *soft pornography* kepada *hard core pornography*). Beliau juga menyatakan pornografi juga boleh membawa kepada tingkah laku seksual yang buruk dan tidak normal. Hal ini berlaku kerana penonton pornografi akan cuba beraksi berdasarkan pada apa yang dilihat, berfantasi dan berakhir dengan keputusan atau hasil yang merosakkan atau menghancurkan seseorang. Menurut Cline juga, seperti penyakit barah, masalah ketagihan pornografi sukar untuk dikesan dan sukar juga untuk disembuhkan. Jika masalah ini tidak diatasi terutamanya kepada golongan lelaki ianya boleh membawa kepada kehidupan berumahtangga yang tidak harmoni dan kadangkala berlaku penceraian.

Menurut Dr. Judith Reisman (2008), yang merupakan presiden Institute for Media Education di Pennsylvania, bagi golongan kanak-kanak dan remaja pornografi memberikan kesan buruk kepada otak. Otak mempercayai apa sahaja yang dipaparkan dan inilah yang akan berlaku pada minda kanak-kanak dan remaja. Ini kerana pornografi boleh menyebabkan otak diselaputi dengan gambaran palsu tentang realiti sebenar seperti berikut:

Health-based neurological observations about the instinctual brain-imprinted response to pornographic sights and sounds indicates that viewing pornography is a biologically significant event that overrides informed consent - and that is harmful to children's [moldable] 'plastic' brains because it compromises their grasp of reality and thus their mental and physical health, their well-being and their pursuit of happiness.

Menurut wawancara MIM Morality in Media Inc. dengan Raymond Pierce (2000), pesara polis yang memegang jawatan eksekutif NYPD (New York Police Dept.) menyatakan, daripada 750 ke 1000 kes pembunuhan seksual dan kes rogol yang telah disiasat sepanjang beliau bertugas 80% ke atas telah melihat atau membaca bahan-bahan pornografi samada melalui majalah, atau apa sahaja yang berkaitan dengan pornografi.

Kajian penyelidikan di negara barat dan di Malaysia tentang akses internet dan laman web pornografi seperti Jadual 1 menunjukkan bahawa lelaki adalah penggemar utama laman web pornografi dan kebanyakannya para pelajar universiti, remaja dan kanak-kanak telahpun terdedah kepada laman web pornografi. Memandangkan kesan negatif terhadap perndedahan bahan pornografi ini kepada pengguna, pelayaran laman web pornografi ini boleh ditangani dengan beberapa kaedah seperti menggunakan perisian penapis atau penyaring laman web, penguatkuasaan undang-undang oleh kerajaan dan kod etika atau kerohanian.

PERISIAN PENAPIS LAMAN WEB PORNOGRAFI

Menurut Hofstetter (2001), perisian penapis (*filter*) adalah: "*Filters are sifting algorithms that scan incoming data for certain kinds of content. Filters can watch the incoming data stream and block content inappropriate for children. There are two places to run filters, either on the servers which deliver the content or in the clients that receive it*".

Jadual 1: Kajian Tentang Akses Internet dan Laman Web Pornografi

Pengkaji	Responden	Dapatan Kajian
1. Kimberly J. Mitchell, David Finkelhor dan Janis Wolak (2002)	1501 kanak-kanak dan remaja berumur di antara 10 ke 17 serta penjaga mereka di sekitar Amerika Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> • 25 % daripada golongan ini telah terdedah dengan Internet pornografi • 55% telah menggunakan ruangan sembang maya, emel dan lain-lain perkhidmatan internet untuk berkomunikasi dengan orang yang tidak dikenali
2. Timothy Ru bourgh (1999) dalam Kelly McCollum (1999)	600 orang pelajar Universiti Bloomsberg	<ul style="list-style-type: none"> • 33% pelajar telah melawati laman-laman web pornografi, • 11% lagi telah melawati laman web yang berkaitan dengan pembuatan dadah secara haram • 8% lagi telah melawati laman-laman web yang memberi maklumat bagaimana membuat senjata secara haram. • 93% menggunakan internet untuk pendidikan • 15% menggunakan internet untuk menipu dalam tugas yang diberikan oleh pensyarah
3. Jerry Finn (2004)	339 pelajar di University New Hampshire	<ul style="list-style-type: none"> • 50 % daripada mereka menerima bahan-bahan pornografi yang tidak dikehendaki samada melalui e-mel ataupun Instant Messenger mahupun tetingkap <i>pop-up</i>
4. St. Bernard Software (2004)	200 responden yang merupakan orang penting yang membuat keputusan di sekolah-sekolah di 41 buah negeri di Philadelphia	<ul style="list-style-type: none"> • 48% - menyatakan pelajar-pelajar di sekolah mereka melayari internet paling kurang selama 2 jam seminggu dalam waktu persekolahan • 59% pula melaporkan tentang berlakunya insiden pelajar-pelajar melayari laman web yang tidak bersesuaian dengan mereka • 45% pula menyatakan contoh pelajar-pelajar yang melayari laman web untuk bermain permainan komputer • 39% pula menyatakan contoh pelajar-pelajar yang melayari laman web untuk mencari bahan-bahan pornografi dan lain-lain lagi
5. Mohamad Musa Morshidi (2004)	60 pelajar Pengajian Sarjana Muda Sastera di Universiti Malaya	<ul style="list-style-type: none"> • 83.3% pelajar pernah menonton bahan pornografi • 58.3% menonton VCD, 13.3% melayari laman web pornografi, 10% mendapat bahan pornografi dari buku, 10% mendapat bahan pornografi dari majalah, 5% mendapat bahan pornografi dari komik, 3.4% mendapat bahan pornografi dari lukisan dan pita video • 60% mengetahui tentang pornografi daripada rakan-rakan

Sambungan Jadual 1

6. Norisyam Mohd. Aris (2003)	75 pelajar Melayu di sekolah menengah Wangsa Maju, Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> • 77.3% pernah menggunakan bahan pornografi • 29.3% menonton VCD, 17.3% mendapat bahan pornografi dari buku, 10.7% mendapat bahan pornografi dari majalah, 6.7% mendapat bahan pornografi dari komik, 6.7% mendapat bahan pornografi dari emel, 4% melayari laman web pornografi, 2.6% mendapat bahan pornografi dari poster dan pita video • 46.7% mengetahui tentang pornografi daripada rakan-rakan • 30.7% menggunakan bahan pornografi untuk “nak tahu”, 20% menggunakan bahan pornografi untuk keseronokan dan 13.3% untuk hilangkan tekanan perasaan • 22.7% menyatakan rasa seronok selepas menggunakan bahan pornografi dan 25.3% berasa bersalah • 41.3% melakukan hubungan seksual selepas menggunakan bahan pornografi, 22.7% melakukannya dengan kekasih, 12% hanya melakukan onani dan 5.3% dengan rakan-rakan
7. Suhaimi Mohamad (2004)	60 responden lelaki Melayu di Bandar Melaka	<ul style="list-style-type: none"> • 17% responden mempunyai pendidikan agama tinggi dan 75% sederhana • 43% menunaikan solat 5 waktu • 45% memiliki bahan pornografi • 37% memiliki bahan pornografi dari internet, 33% memiliki VCD, 15% memiliki bahan pornografi dari majalah dan 15% memiliki pita video • 76% mengetahui tentang pornografi daripada rakan sebaya • 59% peratus bersetuju pendidikan agama yang kurang adalah penyebab terpengaruh dengan bahan pornografi • 85% bersetuju pornografi adalah penyebab kepada tingkah laku negatif
8. Nor Azah Abdul Aziz (2009)	384 remaja di sekitar Lembah Klang	<ul style="list-style-type: none"> • 99% responden pernah mendapat pendidikan agama secara formal • 73% responden selalu menggunakan internet • 50% responden menggunakan emel sebagai aktiviti paling popular ketika melayari internet • 86.8% responden menggunakan enjin gelintaran Yahoo, Google, Netscape, Altavista • 29.9% responden mengaku tertarik pada iklan yang terpapar pada laman web dan klik padanya • 35.8% responden pernah melayari laman web pornografi • 74.5% daripada responden yang melayari laman web pornografi adalah lelaki • 45.9% responden yang pernah melayari laman web pornografi mengetahui laman web pornografi melalui rakan

Terdapat dua kaedah penapisan atau penyaringan laman web pornografi seperti yang dikatakan oleh Hofstetter ini, iaitu pertama adalah melalui pelayan (*server*) dan kedua melalui pelanggan (*client*). Kaedah penyaringan melalui hos pelayan yang digunakan oleh sistem pendidikan negara China boleh dijadikan sebagai suatu contoh yang baik dalam menangani isu laman web pornografi. Menurut ahli jawatan kuasa pendidikan Beijing, kebanyakan pelajar menghabiskan masa dengan perisian permainan komputer, bersembang atau berbual atas talian dan mengunjungi lama-laman web pornografi. Kurang daripada 50 peratus masa mereka yang diperuntukkan untuk belajar. Kaedah penyelesaian yang digunakan oleh mereka untuk menangani permasalahan ini ialah melalui sebuah syarikat United Education Limited yang telah membangunkan satu perisian yang menggunakan pelayan ISA (*Internet Security and Acceleration*) kepunyaan Microsoft untuk menyaring setiap kandungan laman web secara berkesan. Pihak pentadbir rangkaian akan memasang pelayan ISA pada pusat rangkaian untuk tujuan penyaringan (Hofstetter, 2001).

Amerika Syarikat negara asal terciptanya internet juga memberi perhatian yang serius kepada permasalahan laman web pornografi ini dan mereka tidak mampu berharap kepada penguatkuasaan undang-undang semata-mata seperti yang diperkatakan oleh rumah putih: "*Advanced blocking and filtering technology is doing a far more effective job of shielding children from inappropriate material than could any law*". Sehubungan dengan pernyataan ini, rumah putih secara agresif telah memberikan tekanan dan galakkan untuk membangunkan perisian yang mampu menyekat dan menyaring laman web yang berunsur pornografi (Hunter, 2000).

Kajian di Amerika Syarikat mendapati 95% daripada sekolah, 43% dari perpustakaan umum dan 33% daripada ibu bapa yang mempunyai anak-anak remaja telahpun menggunakan perisian penapis untuk menghalang capaian kepada laman web pornografi dan laman-laman yang tidak bersesuaian (Resnick, 2004).

Contoh beberapa perisian yang telah direkabentuk untuk menyaring laman web yang berkaitan dengan pornografi adalah seperti *Cybernany*, *NetNanny*, *CyberPatrol*, *NetFilter Home*, *Cybersitter* dan sebagainya. Keberkesanan perisian ini masih lagi dipersoalkan kerana bilangan laman web pornografi yang terlepas dari saringan masih tinggi.

Persatuan penilaian isi kandungan Internet (*Internet Content Rating Association- ICRA*) telah mencipta satu sistem untuk menilai kadar kandungan internet yang begitu objektif dan terbuka yang dinamakan sebagai ICRA. Sistem ini membekalkan maklumat kepada pengguna tentang tahap seks, bogel, ganas, lucah dan pendorong kebencian terhadap kandungan laman web dan perisian permainan (Hofstetter, 2001).

Pembangun laman web boleh menggunakan ICRA untuk mencipta tag metadata (meta tag adalah kod HTML yang diletakkan oleh pembangun laman web di bahagian kepala setiap HTML kod bertujuan untuk memberitahu *web robot/spider* tentang kandungan laman web) yang membolehkan sistem ICRA ini digunakan pada laman web mereka. Ibu bapa dan guru pula boleh menggunakan tahap yang bersesuaian yang terdapat pada Internet Explorer yang dikenali sebagai *ICRAfilter* untuk mengekang kandungan yang menjelikkan daripada tatapan anak-anak atau murid-murid mereka. Ibu bapa atau guru diberikan kata laluan untuk memasuki kawasan-kawasan kekangan ini (Hofstetter, 2001).

Christopher D. Hunter (2000), di dalam prosidingnya telah menggunakan RSACi (*Recreational Software Advisory Council's Internet rating system*), satu sistem yang boleh membuat perbandingan

beberapa perisian penapis internet yang popular seperti CYBERSitter, Cyber Patrol, Net Nanny dan SurfWatch. Hasilnya Christopher D. Hunter mendapati perisian-perisian ini gagal untuk menyekat laman-laman web yang menjadi larangan atau tidak bermoral sebanyak 25 peratus dalam satu masa, malahan perisian-perisian ini juga telah menyekat 21 peratus dari laman-laman web yang memuatkan isi-isi kandungan yang baik yang sepatutnya boleh dicapai oleh pengguna. Peratusan yang dinyatakan sebelum ini bolehlah dianggap daripada 800,000,000 dokumen laman web, perisian penapis dengan tidak sengaja telah menyekat 168,000,000 laman yang sepatutnya sesuai dicapai oleh semua pengguna.

Perisian penapis ini bukan sahaja mempunyai kekurangan dari segi teknikal atau program atau kandungan yang ingin ditapis malahan boleh juga dilihat dari sudut penerimaan pengguna internet. Kajian yang dijalankan oleh Shuk Ying Ho dan Siu Man Lui (2003), faktor jantina dan usia memainkan peranan penting terhadap penerimaan penggunaan perisian penapis. Wanita dan mereka yang berusia adalah golongan yang lebih prihatin terhadap kandungan laman web yang tidak sepatutnya dicapai atau dilayari oleh kanak-kanak dan remaja. Oleh itu Shuk Ying Ho dan Siu Man Lui menyarankan agar lebih iklan yang bersesuaian dengan masa tontonan golongan ini dapat disiarkan untuk menambahkan kesedaran tentang penapisan laman web pornografi.

PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN LAMAN PORNOGRAFI

Selain dari perisian penapis pelaksanaan undang-undang berkaitan laman pornografi juga adalah merupakan keperluan bagi sesebuah negara seperti cadangan undang-undang di Arab Saudi bagi sesiapa sahaja yang menggunakan telefon bimbit berkamera untuk menyebarkan pornografi akan dikenakan rotan sebanyak 1,000 kali, 12 tahun penjara dan denda sebanyak 100,000 riyal (RM101,346) adalah cadangan yang boleh dijadikan contoh. Cadangan undang-undang ini adalah berikutan tindakan mahkamah Arab Saudi menjatuhkan hukuman penjara kepada 3 lelaki dan 1,200 rotan kerana memfilemkan gadis remaja yang diperkosa melalui telefon berkamera dan meyebarkannya (*New Strait Time Press (NSTP) e-media, 2005*).

Di Leesburg, Virginia pula seorang lelaki yang dikenali sebagai Jeremy Jaynes telah dihukum penjara selama sembilan tahun kerana menghujani pengguna internet dengan jutaan e-mail sampah yang dikenali sebagai *spamming*. Jeremy Jaynes telah dikenal pasti di antara 10 penghantar e-mail sampah dan ditangkap ketika menjaja pornografi, produk dan perkhidmatan palsu seperti memproses bayaran balik syarikat FedEx (*New Strait Time Press (NSTP) e-media, 2005*).

Sementara itu di Beijing pusat bank negara China mencadangkan supaya mereka yang mempromosikan pornografi menggunakan imej matawang wang yuan didenda. Kata-kata yang dipetik berikutan kes ini ialah "*You can spend, but don't offend*" (*New Strait Time Press (NSTP) e-media, 2005*).

Menurut berita dari Bangkok, kumpulan hak asasi kanak-kanak, ECPAT menyatakan eksploitasi seks kanak-kanak dibenarkan berleluasa di seluruh dunia berikutan kerajaan gagal mengotakan janji bagi membanteras amalan sumbang itu. Empat tahun selepas Kongres Dunia Stockholm mengenai eksploitasi seks kanak-kanak yang disertai oleh 122 negara memutuskan mendraf rancangan bertindak untuk melindungi kanak-kanak, hanya 29 buah negara yang menunaikan janji (*New Strait Time Press (NSTP) e-media, 2000*).

Menurut pegawai Bandar Raya Raja Abdul Aziz untuk sains dan teknologi (KACST), kerajaan Arab Saudi telah bertindak menyekat pengguna Internet di negara itu daripada mengakses kelab pada Yahoo! Inc. yang membolehkan mereka melepasi *firewall* (sistem penghadang dari penggodam internet) yang didirikan oleh Kerajaan negara itu. Tahun lalu negara itu juga menyekat beberapa perkhidmatan America Online Inc. (AOL) yang membolehkan pengguna melepasi proxi yang dibangunkan untuk menapis laman pornografi dan sebagainya yang dianggap haram oleh negara itu (*New Strait Time Press (NSTP) e-media*, 2000).

Seorang lelaki yang dikenali sebagai David Vaksdal, 32, yang berasal dari Joliet, Illinois, ditahan selepas siasatan polis membawa kepada penemuan sebuah laman web pornografi kanak-kanak bernama Wonderland Club. Beliau dituduh terbabit dalam rangkaian pornografi kanak-kanak berasaskan Internet dengan keanggotaan seramai 200 orang di 18 negara dijatuhi hukuman penjara 13 tahun (*New Strait Time Press (NSTP) e-media*, 2000).

Menurut ketua polis Sweden Annethe Ahlenius operasi yang dinamakan sebagai *dubbed Callidus* mencapai kejayaan kerana 100 yang disyaki terlibat dalam pornografi kanak-kanak di internet yang melibatkan laman negara di Eropah telahpun ditangkap dan disoal siasat serta komputer mereka turut disita (*New Strait Time Press (NSTP) e-media*, 2005).

Pihak berkuasa Perancis turut menyatakan tentang kerjasama mereka ke atas penangkapan mereka yang terlibat dengan rangkaian pornografi kanak-kanak di 8 buah negara Eropah iaitu Itali, Sweden, Denmark, Poland, Norway, Malta dan negara Belanda (*New Strait Time Press (NSTP) e-media*, 2005).

Jouko Petri Jaatinen, 43 seorang lelaki Finland telah dijatuhkan hukuman penjara selama 11 tahun kerana jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak di Thailand. Lebih kurang 400 kanak-kanak lelaki Thai telah digunakan sebagai bahan pornografi kanak-kanak semenjak 1995 (*New Strait Time Press (NSTP) e-media*, 2005).

Negara lain di dunia mengambil langkah yang tegas dari segi pelaksanaan undang-undang berkaitan dengan isu pornografi seperti hukuman penjara, rotan, denda serta mengarahkan tindakan tegas terhadap laman web yang membenarkan akses kepada laman web pornografi.

KOD ETIKA DAN KEROHANIAN

Terdapat pelbagai kritikan terhadap isu pornografi di antara yang menyuarakan kritikan adalah dari golongan konservatif, agama terutamanya Islam dan Kristian dan juga golongan feminis. Rata-rata mereka menyatakan bahawa pornografi adalah perkara yang tidak bermoral, seks hanyalah milik mutlak mereka yang sudah berkahwin dan pornografi boleh membawa ke arah masyarakat yang bermoral rendah yang sentiasa ketagih dengan bahan-bahan lucah (Wikipedia, 2005.).

Perisian penapis internet semata-mata bukanlah penyelesaian mutlak kepada isu pornografi di internet. Kebanyakan penyelidik turut menyimpulkan kod etika, kelas moral dan pemantauan dari orang dewasa untuk golongan kanak-kanak dan remaja ketika melayari laman web adalah perlu untuk menangani isu pornografi (Resnick, 2004).

Tidak berkesannya perisian penapis internet ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Australian Broadcasting Authority yang mendapati 50% daripada perisian yang diuji gagal

menapis laman web pornografi secara berkesan. Tidak dinafikan terdapat perisian yang boleh menapis dengan baik tetapi ianya juga menapis laman-laman web yang berguna dan tidak sepatutnya ditapis malahan kelemahan yang paling ketara bagi perisian penapis ialah ia hanya mampu menapis *keyword* dalam Bahasa Inggeris tetapi tidak di dalam bahasa lain (Searchenginewatch.com, 2005). Hal ini sudah pasti sedikit sebanyak menggoyah perasaan ibu bapa yang tinggal di negara bukan berbahasa Inggeris terhadap keselamatan minda anak-anak mereka ketika melayari internet.

Syed Mikael Rizal Aidid (2005), Exco Dakwah dan Tarbiyah, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) yang menyuarakan pendapatnya tentang isu pornografi. Beliau menyatakan adalah menjadi kerisauan, apabila pelanggan laman lucah ini tiba-tiba gagal menemui laman lucah yang boleh diakses, lantas bertindak mencari jalan yang lebih buruk untuk memuaskan nafsunya. Sejarah umat terdahulu menyaksikan keruntuhan sesebuah tamadun bangsa sentiasa bertitik tolak daripada hati yang kotor. Terbentuknya hati yang kotor itu, dikaitkan dengan mata yang selalu memandang perkara yang diharamkan Allah, tangan yang melakukan kerja keji dan kaki yang sering melangkah ke tempat maksiat. Beliau menyarankan penyelesaian yang dibawa oleh Islam berperanan menawarkan bukan sahaja pakej sekatan yang bersifat teknikal, malah seiring dengannya, perisian kerohanian.


Maksiat membahayakan manusia di dunia dan di akhirat. Maksiat menghalangi ilmu, kerana ilmu adalah sinar yang diletakkan Allah S.W.T. di dalam hati manusia sedangkan maksiat memadamkan sinar tersebut. Maksiat juga menimbulkan kerisauan dan kesepian dalam hati. Kerisauan dan keterasingan dirasakan oleh manusia yang melakukan maksiat dari golongan orang yang baik dan melakukan perkara makruf. Setiap kali perasaan terasing menjadi kuat, manusia akan menjauhkan diri dari lingkungan atau golongan manusia yang bertentangan dengannya yang akhirnya manusia yang melakukan maksiat ini akan mengikuti kelompok syaitan, berbanding dengan golongan yang mendekati diri kepada Allah S.W.T. akan boleh mendekati makrifatnya dengan izin Tuhan-Nya (Ibnul Qoyyim al-Jauzi, 2005).

Menurut pandangan Wan Suhaimi Wan Abdullah (2005), seseorang yang melakukan suatu aktiviti yang makruf sebenarnya tidak perlu untuk memperuntukkan aktiviti lain untuk menjauhi kemungkaran. Hal ini kerana ketika individu tersebut melaksanakan makruf, pada masa yang sama individu tersebut juga sedang meninggalkan yang mungkar. Pengguna yang meninggalkan laman web pornografi sebenarnya sedang meninggalkan kemungkaran dan pada masa yang sama mengerjakan yang makruf dan beroleh kurniaan pahala di sisi Allah S.W.T.. Jika dilihat dari perspektif ini, bukanlah perkara yang susah untuk meninggalkan pelayaran laman web pornografi, hanya dengan tidak klik pada iklan yang mempromosikannya serta tidak membuat carian terhadap laman web tersebut adalah langkah permulaan mengerjakan makruf meninggalkan yang mungkar dan langkah awal untuk beroleh kurniaan pahala Allah S.W.T.. Segala amal makruf ini juga merupakan peluang bagi pengguna untuk mengisi ruang kosong atau masa yang terluang. Jika kecintaan kepada yang makruf ini telah bertapak di hati pengguna langkah-langkah yang lebih mendalam boleh dikuti dengan tujuan mengenal Allah S.W.T. (*Ma'rifah*).

KAWALAN DIRI DARI LAMAN WEB PORNOGRAFI MENURUT PSIKOSPIRITUAL ISLAM

Psikospiritual Islam adalah gabungan dari perkataan psikologi dan spiritual yang bermaksud pemikiran atau kajian tentang proses mental dan pemikiran yang bersifat rohaniah dari perspektif agama Islam. Spiritual dalam diri setiap individu adalah merupakan kurniaan Tuhan. Keperluan

spiritual adalah persediaan untuk mencintai Tuhan dan spiritual juga menjadi pendorong kepada daya kecerdasan intelektual dan emosional yang mengarah kepada jalan pilihan ini. Spritualiti ini dipercayai boleh dicapai oleh sesiapa sahaja dengan kebijaksanaan dan pengalaman. Bidang psikologi spiritual di antaranya memfokus kepada pemahaman tentang kaedah mendalami spiritual, mengenal diri, mengetahui kebaikan solat, meditasi, teknik latihan spiritual sebagai rawatan dan menilai penyakit spiritual (Nor Azah Abdul Aziz, 2009).



Rajah 1: Kaedah Kawalan Diri Dengan Psikospiritual Islam (Nor Azah Abdul Aziz, 2009)

Pengawalan diri daripada melayari laman web pornografi ini boleh dilakukan bermula dengan pencarian ilmu pengetahuan tentang agama yang meliputi ilmu tauhid, ilmu syariah dan ilmu tasawuf. Ilmu pengetahuan ini penting untuk memahami tentang hukum-hakam agama tentang melihat grafik atau video di laman web yang haram dan perlunya penjagaan mata umat Islam untuk setiap perkara yang dilihat. Setelah mempunyai ilmu pengetahuan, langkah seterusnya adalah beramal dengan ilmu yang telah dipelajari iaitu dengan amalan zahir dan amalan batin seperti yang dipaparkan pada Rajah 1.0. Amalan zahir adalah mengerjakan yang wajib seperti solat, berpuasa, berzakat, mengerjakan haji, mengetahui hukum halal-haram, dan lain-lain yang menjadi fardhu 'ain dan fardhu kifayah seperti yang telah disyariatkan kepada setiap makhluk Allah.

Amalan zahir yang dilakukan wajib disertai dengan amalan batin atau amalan yang dilakukan oleh hati seperti taubat, tawakkal, ikhlas, syukur, sabar, redha dan lain-lain (al-Ghazālī, 2006). Firman Allah S.W.T. tentang amalan hati yang ikhlas dan sentiasa bersyukur adalah seperti berikut:

دَعُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ لَئِن أُجِيتْنَا مِن هَدٍ لَنَكُونَنَّ مِنَ

الشَّاكِرِينَ ﴿١٠٢﴾

Maksud: Maka mereka berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan ketaatan kepadaNya semata-mata. (Mereka berkata), "Sesungguhnya jika Engkau menyelamatkan kami dari bahaya ini pastilah kami akan termasuk orang-orang yang bersyukur.

(Surah Yūnus, 10:22)

لِيَنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ

Maksud: *Apabila kamu bersyukur, pasti Allah akan menambahnya.*

(Surah Ibrahīm, 14: 7)

Redha pula adalah sentiasa berpuas hati terhadap sebarang ketetapan yang telah ditakdirkan oleh Allah Taala, seperti ucapan berikut; “ Sesungguhnya aku menjadi orang yang baik, sama sekali bukanlah kerana usaha dan ikhtiarku melainkan semata-mata kerana kebaikan Allah Taala”. Firman Allah S.W.T. tentang redha adalah seperti berikut:

رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ

Maksud: *Allah redha terhadap mereka dan merekapun redha kepadaNya*

(Surah al-Bayyinah, 98:8)

Allah S.W.T. juga berfirman di dalam al-Quran tentang beruntungnya orang yang khusyuk dalam solat:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾

Maksud: *Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman, mereka yang khusyuk dalam solatnya.*

(Surah al-Mu'minūn, 23:1-2)


Khusyuk dalam solat adalah menyelami hati yang terdalam atau mendengar suara hati untuk menemukan sifat-sifat Ilahiyah yang luhur yang berada di dasar hati dan mengangkatnya ke permukaan. Pujian-pujian terhadap Allah S.W.T. dalam solat adalah bertujuan mengagung, menjunjung atau menempatkan Allah S.W.T. di tempat tertinggi. Apabila solat dilakukan berulang-ulang tujuh belas kali sehari atau 6205 kali dalam setahun, hasilnya adalah pemikiran dan keyakinan manusia yang selalu menjunjung tinggi kesucian dan kejernihan hati serta menghasilkan satu fitrah yang sangat cerdas (Ary Ginanjar Agustian, 2001).

Umat Islam yang khusyuk dalam mengamalkan ibadah solat akan merasakan ketenangan jiwa kerana berkurangnya tekanan darah, kadar denyutan jantung dan respiratori ketika solat. Motivasi diri yang tinggi dalam kehidupan samada sebagai pelajar mahupun sebagai pekerja dan mudah bergaul dengan masyarakat persekitaran juga adalah impak dari solat yang sempurna. Hal ini demikian kerana ibadah solat menyebabkan setiap anggota tubuh memainkan peranan masing-masing mengikut pergerakan solat yang spesifik seperti yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. Setiap pergerakan solat ini juga menyebabkan darah dapat beredar ke seluruh tubuh dan apabila sujud darah akan beredar ke bahagian otak dan memberikan tenaga kepada otak untuk menjalankan fungsinya mengawal keseluruhan tubuh. Bacaan-bacaan dalam solat melindungi fikiran daripada

angan-angan atau fikiran lain yang mengganggu solat (Akbar Husain, 2006). Kajian yang dijalankan oleh penyelidik (Prof. Madya Dr. Fatimah Ibrahim, Prof. Wan Abu Bakar Wan Abas dan Ng Siew Chok, Jabatan Kejuruteraan Biomedikal, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya) Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya tentang terapi solat menunjukkan aktiviti berdiri seketika sebelum sujud adalah merupakan peringkat paling tenang dalam solat iaitu ketika gelombang otak Alfa (8-13 Hz). Solat juga membolehkan otak bersedia untuk menghadapi cabaran yang baru dalam aktiviti harian. Solat juga membantu mendapatkan komposisi tubuh terbaik iaitu dengan solat lima kali sehari, memahami maksud bacaan dalam solat, solat berjemaah, rukuk dengan betul (90 darjah) dan melentikkan jari kaki ketika duduk antara sujud dan tahiyat akhir (Terapi Solat, 2008). Penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik Universiti Pendidikan Sultan Idris (Nor Azah Abdul Aziz et al., 2008) juga menunjukkan setelah melakukan ibadat solat, responden yang juga dari kalangan remaja yang hafiz al-Quran didapati mempunyai kadar tekanan darah dan denyutan jantung yang rendah yang menunjukkan keadaan tenang setelah solat.

Umat Islam bukan sahaja disarankan untuk khusyuk dalam solat malah khusyuk dalam zikir dan doa yang dipanjatkan kepada Allah S.W.T. dengan mengikut adab atau etika seperti mengambil wuduk yang sempurna, tempat yang bersih, makanan yang halal dan sebagainya sebelum melakukan setiap ibadah tersebut.

Rajah 2.0 menunjukkan setiap amalan zahir mahupun batin yang dilakukan setiap Umat Islam memerlukan tiga asas utama iaitu ikhlas, sabar dan benar seperti yang dinyatakan oleh al-Kharrāz. Ketiga-tiga asas ini mempunyai pengertian yang berbeza. Walaupun mempunyai pengertian berbeza, ketiga-tiga asas ini bersatu dalam semua amalan, di mana tidak akan sempurna atau rosak sesuatu amalan tanpa ikhlas, sabar dan benar. Ketiga-tiga asas ini tidak akan sempurna melainkan dengan satu menguatkan yang lain. Sifat ikhlas tidak akan sempurna melainkan dengan benar sentiasa bersaing dengannya dan sabar sentiasa berada di sampingnya (Abu Said al-Kharrāz, 1981). Muhasabah pula, menurut al-Muḥāsibī perlu dilakukan di samping mengingati Allah S.W.T. dalam setiap detik, menggunakan pertimbangan akal dan memohon bantuanNya dalam setiap amalan zahir dan batin yang dilakukan.



Rajah 2: Amalan Zahir (Nor Azah Abdul Aziz, 2009)

Setiap Umat Islam wajib mengetahui hukum-hukum di dalam Islam yang mencakupi lima perkara, iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan mubah supaya tidak jatuh ke lembah kedurhakaan (al-Ghazālī, 2006). Wajib adalah sesuatu hukum atau perintah yang mesti dilakukan. Jika hukum atau perintah ini dilakukan akan beroleh pahala, jika ditinggalkan pula akan berdosa seperti perintah menunaikan solat lima waktu. Sunat pula merupakan sesuatu hukum atau perintah yang jika dilakukan akan beroleh pahala jika ditinggalkan tidak berdosa seperti solat tarawih. Haram adalah sesuatu hukum atau perintah (larangan) jika dilakukan akan mendapat dosa jika ditinggalkan pula akan mendapat pahala seperti larangan meminum arak (melayari laman web pornografi

juga termasuk dalam hukum ini kerana melihat aurat dan perilaku seks yang dipaparkan). Makruh adalah sesuatu hukum atau perintah (larangan) jika dilakukan tidak dihukum berdosa jika ditinggalkan pula mendapat pahala seperti larangan memakan bawang atau petai. Mubah adalah sesuatu yang boleh dikerjakan dan boleh pula ditinggalkan. Jika dikerjakan tidak beroleh pahala dan ditinggalkan tidak pula berdosa (H. Sulaiman Rasjid, 1981).

Berdasarkan rajah 2.0 solat dan puasa adalah merupakan amalan zahir yang utama. Solat adalah ibadat paling utama dan dapat mencegah manusia dari perbuatan jahat secara fizikal mahupun spiritual seperti firman Allah S.W.T. (Husayn Ansarian, 2002):

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ
 عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾


Maksud: Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, iaitu al-Kitab (al-Quran) dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah (dari perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya) dari ibadat-ibadat lain. Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(Surah *al-Ankabūt*, 29:45)

Puasa di bulan Ramadhan juga adalah merupakan rukun Islam yang wajib dilakukan. Terdapat juga puasa wajib yang lain seperti puasa nazar, puasa qada dan puasa kifarat. Ketika berpuasa, setiap umat Islam perlu menahan diri daripada makan, minum dan melakukan hubungan seks. Selain itu setiap umat Islam juga perlu menahan diri daripada perkataan yang sia-sia, perkataan yang menimbulkan shahwat, menahan pandangan contohnya seperti melihat atau melayari laman web pornografi dan perkara-perkara lain yang boleh mengurangkan pahala puasa. Selain puasa wajib, puasa sunat juga boleh diamalkan oleh setiap umat Islam semata-mata untuk mendapat balasan dan keampunan Allah S.W.T. seperti puasa enam pada bulan Syawal, puasa Isnin dan Khamis, puasa pada 10 Muharram (hari asyura), puasa pada bulan Rejab dan Sya'ban dan pelbagai puasa sunat lagi. Antara kelebihan berpuasa ialah dapat melatih diri bersifat sabar, kuat dan tahan menderita menghadapi segala dugaan dan kesusahan yang menimpa diri. Puasa juga melatih setiap umat Islam hidup berdisiplin dan merehatkan perut daripada makan dan minum dan ini membantu meningkatkan tahap kesihatan. Puasa juga menjaga diri Umat Islam supaya tidak jatuh ke dalam jurang dosa dan maksiat. Puasa juga mendidik jiwa Umat Islam supaya taat pada perintah Allah dan puasa yang dilakukan dengan benar-benar ikhlas akan memperoleh keampunan daripada Allah S.W.T. (H. Sulaiman Rasjid, 1981).

Taubat dalam rajah 3.0 ini adalah selaras dengan amalan bersuci zahir namun taubat di sini adalah merupakan amalan mensucikan batin atau hati dari segala dosa. Umat Islam wajib bertaubat dan benar-benar insaf tentang hakikat dosa melayari laman web pornografi dan sesungguhnya Allah S.W.T. melaknati manusia yang mempunyai mata yang digunakan untuk melakukan maksiat. Al-Ghazālī menggariskan beberapa kaedah untuk memohon keampunan bagi menghapuskan dosa yang dilakukan, iaitu dengan bertaubat nasuha, melakukan amalan yang baik sama ada yang wajib mahupun yang sunat, bersedekah dan mengeluarkan zakat (al-Ghazālī, 1337H.). Al-Qushayrī (2004) juga memulakan tingkat pertama yang dialami oleh para sufi dengan taubat. Langkah

bertaubat yang pertama perlu dilakukan oleh umat Islam ialah memisahkan diri (*'uzlah*) dari orang-orang yang melakukan kejahatan kerana golongan ini akan terus mendorong supaya mengingkari tekad dan mengganggu kelurusan niat yang teguh untuk bertaubat. Benteng yang teguh dalam bersyahadah akan meningkatkan kerinduan kepada taubat, ketetapan hati serta memperkuat rasa takut (*khawf*) dan harap (*rajā*).



Rajah 3: Amalan Batin (Nor Azah Abdul Aziz, 2009)

Takut menurut al-Qushayrī (2004) adalah masalah berkaitan dengan kejadian yang akan berlaku, kerana seseorang hanya takut kalau sesuatu yang tidak diinginkan menyimpannya atau sesuatu yang diinginkan luput darinya. Takut tidak terjadi pada perkara yang telahpun berlaku. Takut kepada Allah Taala adalah takut terhadap hukumanNya di dunia dan juga di akhirat. Perbuatan atau amalan yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. kebanyakannya membosankan hati dan melelahkan anggota badan atau bertentangan dengan kelazatan dosa. Untuk menghilangkan kebiasaan berbuat dosa dan bangkit untuk membersihkan jiwa, usaha melalui penanaman rasa takut terhadap siksaan hari kiamat dan agungnya hak Allah S.W.T. perlu diterapkan dalam jiwa. Pembacaan al-Quran dan diiringi dengan pemahaman terhadap maksudnya adalah antara cara untuk mendapat rasa takut ini. Apabila datangnya ketakutan di hati, akan nyahlah ketagihan

melakukan dosa, menyesal, bertaubat dan khusyuk serta kembali kepada Allah S.W.T. (Amir An-Najar, 2004).

Rajā' juga mempunyai hubungan yang erat dengan khawf seperti firman Allah S.W.T. dalam Surah al-A'rāf (7:56) yang memerintahkan manusia supaya berdoa atau bermohon dengan perasaan takut dan penuh harapan (Amir An-Najar, 2004). Harapan dapat membangkitkan semangat untuk beramal soleh, sebaliknya jika hati berasa malas untuk beramal, maka harapan bahawa amal yang soleh akan mendapat balasan yang baik dari Allah Taala perlu dibangkitkan. Sikap inilah yang perlu diperlihatkan oleh setiap umat Islam sebagai Mukmin sejati yang benar-benar mengharap pada Tuhannya (al-Muhāsibī, 1929). Manusia yang menyedari kelemahan diri dan kurangnya upaya diri sebagai makhluk dalam membentengi diri dari mengulangi perbuatan dosa, kaedahnya adalah dengan azam yang kuat dan berharap kepada rahmat Allah S.W.T. agar diampunkan dosa dan dihindarkan dari melakukan dosa tersebut. Sesungguhnya amat mudah bagi Allah untuk memberikan rahmat kepada sesiapa sahaja yang dikehendakiNya (al-Ghazālī, 1337H.).

Langkah kedua untuk bertaubat seperti yang dinyatakan dalam Rajah 3, ialah perlu menguasai diri, iaitu dengan mengukuhkan semula simpulan-simpulan di hati yang telah longgar akibat dari perbuatan tercela. Jiwa perlu diikat semula dengan tekad dan kehendak (*irādah*) dari menuruti hawa nafsu yang mengajak remaja untuk melayari laman web pornografi. Jika jiwa masih mengajak mengikut nafsu dengan melayari laman web pornografi, maka kaedah yang perlu dilakukan adalah dengan menahan dan melawan kehendak tersebut serta mengadukannya kepada Allah Taala untuk memperbetulkan semula jiwa yang terpesong ini. Tuduhan atau celaan perlu dilakukan pada jiwa tersebut dan memujuknya mengikut jejak langkah golongan yang membersihkan jiwa untuk menariknya kembali kepada keredhaan Allah (Abu Said al-Kharrāz, 1981).

Langkah ketiga untuk bertaubat seperti yang dinyatakan dalam Rajah 3, ialah perlu meninggalkan dosa yang dilakukan dan tetap hatinya untuk tidak kembali melakukan dosa-dosa yang serupa di masa akan datang atau sentiasa *istiqāmah* (al-Qushayrī, 1959). Setelah bertaubat, tekad hati adalah keperluan untuk berada di jalan yang lurus dan tidak mengulangi dosa walaupun terdapat gangguan dari rakan sebaya yang mungkin kerap menghantar emel yang dilampirkan dengan gambar atau video pornografi. Langkah yang terbaik adalah melihat tajuk emel tersebut atau paparan *pop up* sebelum membuka atau klik sebarang aplikasi. Jika tajuk tidak menggambarkan isi kandungan emel atau paparan *pop up* laman web, sewajarnya dihindarkan atau di *delete* terus dari peti emel. Sejarah carian (*history list*) atau penanda (*bookmark/favourite*) URL (Uniform Resource Locator) yang berkaitan dengan laman web pornografi juga perlu dibuang atau dikosongkan supaya tidak mendatangkan keinginan untuk melayari semula laman web pornografi tersebut.

Jiwa akan sampai pada keadaan murāqabah (pengawasan) apabila telah sepenuhnya melakukan perhitungan pada diri tentang apa yang terjadi pada masa lampau, memperbaiki keadaannya pada masa kini, beriltizam di jalan yang benar, sepenuh hati memperbaiki hubungannya dengan Allah S.W.T. dan sentiasa menjaga diri agar tidak lupa kepada Allah S.W.T. walaupun sesaat. Kelalaian tentang langkah-langkah ini akan menjadikan seorang hamba jauh dari kebenaran dan kejayaan mendekati Allah S.W.T.

Menurut al-Kharrāz (1981) tidak akan sempurna atau rosak sesuatu amalan tanpa ikhlas, sabar dan benar. Setiap strategi dan sifat hati perlu kepada ketiga-tiga asas ini seperti sentiasa bersikap benar dalam uzlah, mengasingkan diri dengan ikhlas kerana Allah S.W.T. dan semata-mata

untuk mendapat redhaNya dan sentiasa sabar walaupun mendapat celaan atau tidak puas hati dari rakan-rakan yang gemar melayari laman web pornografi.

Muhasabah atau penilaian ke atas setiap perbuatan dan sifat-sifat hati ini juga perlu dilakukan dengan sentiasa bertanya sama ada hati telah benar-benar ikhlas, jujur atau benar dalam setiap tindakan yang dilakukan sama ada dari sudut fizikal mahupun sifat hati dan apakah taubat yang dilakukan telah benar-benar jernih atau taubat nasuha seperti yang dinyatakan oleh al-Ghazālī. Sekiranya taubat yang dilakukan menyebabkan kekaguman pada dirinya yang telah bertaubat, taubat sebegini adalah taubat yang didasari kesombongan dan bukan kerana Allah S.W.T. dan wajib mengulangi taubat lagi sehingga benar-benar mendapat taubat yang tidak lain hanya kerana Allah Taala semata-mata (al-Ghazālī, 2006).

KESIMPULAN

“Internet bukanlah masalah, yang menjadi masalah adalah penyakit yang menular di dalam masyarakat itu sendiri”. Ini adalah petikan kata-kata Dr. Mohamed Awang Lah apabila ditanya oleh wartawan *Utusan Malaysia* tentang jenayah siber di Malaysia (*Utusan Online*, 2004). Kata-kata beliau ini memang sinonim dengan kegilaan masyarakat terhadap bahan-bahan pornografi. Internet dan segala peralatan komunikasi yang canggih hanyalah medium komunikasi. Yang menentukan hala tuju adalah pengguna. Maka pengguna adalah yang perlu dididik agar dapat memanfaatkan teknologi ke jalan yang diredhai Allah.

RUJUKAN

- Abu Said al-Kharraz. (1981). *Masalah Sufi atau Jalan Menuju Kepada Allah*. Abdul Halim Mahmud (olahan), Syed Ahmad Semait (terj). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Akbar Husain. (2006). *Islamic Psychology Emergence of a New Field*. New Delhi: Global Vision Publishing House.
- Amir An-Najar. (2004). *Psikoterapi Sufistik dalam Kehidupan Modern*. Ija Suntana (terj). Jakarta Selatan: Penerbit Hikmah.
- Ary Ginanjar Agustian. (2001). *Rahasia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual ESQ (Emotional Spiritual Quotient) Berdasarkan 6 Rukun Iman dan 5 Rukun Islam*. Jakarta: Penerbit Arga.
- Buzzell, Timothy. (2005), Demographic Characteristics of Persons Using Pornography in Three Technological Contexts. *Sexuality & Culture, Infotrac*. <http://web6.infotrac.galegroup.com/dc.oum.edu.my>, vol.9 h. 28(21).
- Cline, V. B. (2008). Pornography's Effects on Adults and Children. *MIM Morality in Media Inc*. <http://www.moralityinmedia.org/index.htm?pornsEffectsArticles/clineart.htm>, 11 Disember 2008.
- Finn, J. (2004). A survey of online harassment at a university campus. *Proquest, Journal of Interpersonal Violence*. <http://proquest.umi.com/dc.oum.edu.my/>, vol.19, h. 468, 1 Jun 2005.
- Al-Ghazālī Abū Hāmid Muḥammad Ibn Muḥammad. (2006). *Minhaj Al-'Abidin: Petunjuk Jalan bagi Orang-Orang Ahli Ibadah*. Abu Mazaya Al-Hafiz (terj.), c. 2. Johor bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Ghazālī Abū Hāmid Muḥammad Ibn Muḥammad. (1337H.). *Minhāj al-Ābidīn*. Kaherah: al-Sayyīd al-Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih.
- Hofstetter, F. T. (2001). *Internet Literacy 3rd Edition*. United States: MC Graw-Hill Irwin.
- H. Sulaiman Rasjid. (1981). *Fiqh Islam*, c. 18. Jakarta: Penerbit Attahiriyah.

- Hunter, C. D. (2000). Internet Filter Effectiveness: Testing Over and Underinclusive Blocking Decisions of Four Popular Filters. *Proceedings Of The Tenth Conference On Computers, Freedom And Privacy: Challenging The Assumptions*, April 2000, h. 287-294.
- Husayn Ansarian. (2002). *Membangun Keluarga yang Dicintai Allah: Bimbingan Lengkap Sejak Pra Nikah Hingga Mendidik Anak*. Ali bin Yahya (terj.). Jakarta: Pustaka Zahra.
- Ibnul Qoyyim al-Jauzi. (2005). *Terapi Penyakit Hati*. Salim Bazemool(terj.). Jakarta: Qisthi Press.
- Al-Muhāsibī. (1929). *Al-Masā'il fi A'māl al-Qulūb wa al-Jawāriḥ*. Kaherah: 'Alam al-Kutub.
- McCollum, K. (1999). Students Find Sex, Drugs, and More Than a Little Education on Line, Survey Finds. *Proquest. The Chronicle of Higher Education*, <http://proquest.umi.com.dc.oum.edu.my/>, vol.45, h. A31, 1 Jun 2005.
- MIM Morality in Media Inc.* (2000). An interview with Retired NYPD Detective Raymond Pierce in The Sexual Criminal's Relationship to Porn. <http://www.moralityinmedia.org/index.htm?pornEffectsArticles/clineart.htm>, 11 Disember, 2008.
- Mitchell, K. J., Finkelhor, D. & Wolak, J. (2003). The Exposure of Youth to Unwanted Sexual Material on the Internet: A National Survey of Risk, Impact, and Prevention” (abstract). *Infotrac, Youth & Society*, <http://web6.infotrac.galegroup.com.dc.oum.edu.my>, vol. 34, h. 330(29), 1 Jun 2005;
- Mohamad Musa Morshidi. (2004). Sikap Terhadap Bahan Pornografi: Kajian Kes di Fakulti Sastera dan Sains sosial Universiti Malaya. Latihan Ilmiah (B.A), Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains sosial Universiti Malaya.
- New Strait Time Press (NSTP) e-media.* (2000). Arab Saudi Sekat Akses Ke Kelab Bogel Di Yahoo Diakses. <http://www.emedia.com.my/a/archive.htm>, 16 Ogos 2000.
- New Strait Time Press (NSTP) e-media.* (2000). Bapa Saudara Setan Dipenjara 13 Tahun. <http://www.emedia.com.my/a/archive.htm>, 24 Mei 2000.
- New Strait Time Press (NSTP) e-media.* (2005). Child Pornography Swoop Yields Results. <http://www.emedia.com.my/a/archive.htm>, 08 Mei 2005.
- New Strait Time Press (NSTP) e-media.* (2005). New Saudi Law To Jail Cellphone Porn Users. <http://www.emedia.com.my/a/archive.htm>, 17 April 2005.
- New Strait Time Press (NSTP) e-media.* (2005). Man Jailed For Sexual Crimes In Thailand. <http://archives.emedia.com.my/bin/main.exe>, 4 Disember 2005.
- New Strait Time Press (NSTP) e-media.* (2005). Rencana dan Pendapat-Surat & Emel: Pengisian Kerohanian Cara Sekat Laman Web Lucuh. <http://www.emedia.com.my/m/BHarian/Wednesday/Rencana/>, 7 Jun 2005.
- New Strait Time Press (NSTP) e-media.* (2000). Hapus Eksploitasi Kanak-Kanak. <http://www.emedia.com.my/a/archive.htm>, 23 November 2000.
- New Strait Time Press (NSTP) e-media.* (2005). Spammer Jailed For Nine Years.<http://www.emedia.com.my/a/archive.htm>, 10 April 2005.
- New Strait Time Press (NSTP) e-media.* (2005). Spend But Don't Offend!. <http://www.emedia.com.my/a/archive.htm>, 17 Februari 2005.
- Nor Azah Abdul Aziz. (2009). Internet, Laman Web Pronografi Dan Kaedah Psikospiritual Islam dalam Menangani Keruntuhan Akhlak Remaja Pelayar Laman Web Pornografi. *Jurnal Usuluddin*, bil. 29, Jan-Julai 2009, h. 147-170.
- Nor Azah Abdul Aziz, Syakirah Samsudin, Asmara Alias, Fadhlina Mohd Razali, Zarima Mohd. Zakaria, Siti Ruhaini Anuar. (2008). The Computerized Simulation Of The Bodily Movement And Blood Circulation System During The Performance Of Obligatory Prayers. *Prosiding International Seminar on Islamic Science & Technology INSIST'08*.

- Anjuran: SpaceUTM School of Professional and Continuing Education Universiti Teknologi Malaysia dan Center for Islamic Studies and Social Development Universiti Teknologi Malaysia, 18-19 Mac 2008
- Norisyam Mohd. Aris. (2003). Pornografi; Pola-Pola Penggunaannya di Kalangan Pelajar Melayu Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes di Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Latihan Ilmiah (B.A), Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains sosial Universiti Malaya.
- Al-Qushayrī, ‘Abd al-Karīm ibn Hawāzin. (2004). *Risalah Sufi Al-Qusyairi*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Reisman, J. A. (2008). Violence And Pornography As Atroctiies Of Despair. *MIM Morality in Media Inc.* [http://www.moralityinmedia.org/index.htm?pornsEffects Articles/lineart.htm](http://www.moralityinmedia.org/index.htm?pornsEffects%20Articles/lineart.htm)., 11 Disember 2008.
- Resnick, P. J. (2004). Calculating Error Rates For Filtering Software. *Communications of the ACM*, Vol. 47, No. 9 (2004), h. 67-71.
- Scores Held In Child Porn Raids. (2005). Diakses pada 07 Mei 2005. *New Strait Time Press (NSTP) e-media*. Daripada <http://www.emedia.com.my/a/archive.htm>.
- Searchenginewatch.com. (2005). Cybersex is Bad for You. Daripada <http://www.nua.ie/surveys>. 18 Mei 2005.
- Shuk Ying Ho & Siu Man Lui. (2003). Exploring the Factors Affecting Internet Content Filters Acceptance. *ACM SIGecom Exchanges*, Vol.4, No. 1, April 2003, h. 29-36.
- St. Bernard Software. (2004). Survey on Inappropriate Internet Access in Schools Anonymous. *Proquest, Media and Methods*. <http://proquest.umi.com/dc.oum.edu.my/>, vol.41, h. 28, 1 Jun 2005.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2005). ‘Khayr Ummah’ dan Peranannya dalam Kebangkitan Tamadun Ummah Masa Kini” dalam Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Fatwa Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. *Pembangunan Tamadun Ummah dan Cabarannya*, c. 2. Pulau Pinang: Jabatan Mufti Pulau Pinang.
- Wikipedia The Free Encyclopedia. (t.t.). Diakses pada 25 April 2005. Daripada <http://en.wikipedia.org/wiki/Pornography>.

BIODATA PENULIS

Nor Azah Abdul Aziz (PhD) adalah pensyarah kanan di Jabatan Multimedia Kreatif, Fakulti Seni, Komputeran Dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Che Zarrina Saari adalah Profesor Madya di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

